

29 MAR 1998

Mahathir-kolonialisme

DR MAHATHIR BIMBANG KOLONIALISME BARU OLEH KUASA BARAT

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluahkan kebimbangannya terhadap gejala kolonialisme baru oleh negara Barat ke atas negara-negara membangun dengan menggunakan matawang sebagai senjata yang boleh menjadikan negara-negara itu jatuh miskin.

Perdana Menteri berkata apa yang berlaku sekarang ialah orang asing cuba menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin sesebuah negara membangun di samping menentukan dasar-dasar yang harus diamalkan oleh kerajaan negara-negara berkenaan.

"Orang asing nak tentukan apa cara kita niaga, bermakna kita habislah tak ada kebebasan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan ekspedisi terjun bebas Kutub Utara di pangkalan udara Tentera Udara Diraja Malaysia, di sini.

"Sama ada cara kita baik atau tak baik itu masalah lain, tapi kalau kita kata sebuah negara merdeka yang dipilih rakyat, tapi kerajaan itu tidak dibenar buat sesuatu, ini bermakna pemilihan kerajaan tak bermakna lagi ... dan kerajaan itu pula nak diarah, ditentukan siapa boleh jadi pemimpin, orang itu tak baik orang ini tak baik, maka tak ada kebebasan," katanya.

Semasa ditanya sama ada Malaysia telah ditekan supaya menandatangani Perjanjian Pelbagai Hala Pelaburan (MIA), Dr Mahathir menjawab: "Belum lagi".

"Kalau dia tak boleh satu jalan, dia cari jalan lain," katanya.

Dr Mahathir berkata pada satu masa Barat cuba menghubungkan perdagangan dan alam sekitar dengan hak asasi manusia tetapi Malaysia menentangnya.

Bagaimanapun, katanya, mereka datang balik melalui matawang yang menjadi senjata mustajab kerana dengan menjatuhkan nilai matawang ia boleh menjadikan sesebuah negara itu miskin hingga terpaksa meminta-minta.

"Bila kita meminta, kita dikenakan syarat," katanya dan membah secara tidak langsung matawang dijadikan senjata untuk "menamatkan kebebasan kita." --BERNAMA

ARA oba